



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL.14/2001**

**PROGRAM LATIHAN E-LATIHAN SKYLEARNER**

**1 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan majikan mengenai program E-Latihan Skylearner yang telah diluluskan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

**2 LATARBELAKANG**

- 2.1 Pembangunan Sumber Manusia Berhad, telah pun meluluskan bantuan kewangan bagi program latihan/kursus yang dilaksanakan secara E-Learning di bawah Skim PROLUS Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

- 2.2 Dengan kelulusan ini, majikan boleh menuntut semula kos langganan bagi program latihan/kursus yang dijalankan secara E-Learning di bawah Skim PROLUS setelah tamatnya latihan bagi setiap program/modul latihan. Untuk ini, majikan akan membuat pembayaran dahulu bagi setiap latihan yang dijalani oleh pekerja dan kemudian menuntut semula kos yuran latihan pada kadar yang ditetapkan.

- 2.3 Bagi menyokong usaha ke arah latihan sepanjang hayat, PSMB telah meluluskan program E-Latihan Skylearner. Melalui program E-Latihan Skylearner, majikan boleh membuat tuntutan berdasarkan langganan bagi tempoh setahun.

**3. PERLAKSANAAN**

- 3.1 Majikan boleh membuat langganan kepada Penyedia Latihan SQ Communications Sdn Bhd berdasarkan kepada kadar langganan yang telah diluluskan seperti berikut:-

Bil	Jumlah Langganan	Kadar Bayaran Setahun
1.	1-3	US \$275 [RM 1045] setiap langganan
2.	4-10	US \$245 [RM 931] setiap langganan
3.	11-100	US \$215 [RM 817] setiap langganan
4	>100	US \$200 [RM 760] setiap langganan

\*bayaran proses sebanyak RM38 akan dicajkan bagi setiap transaksi

- 3.2 Bagi setiap langganan majikan akan diberikan satu kata laluan yang boleh digunakan oleh seorang pelatih pada satu-satu masa. Kata laluan ini boleh digunakan sepanjang tempoh satu tahun dan majikan perlu memperbaharui langganan mereka apabila tempoh setahun telah tamat. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:-

Contoh 1  
 Jumlah langganan = 2 langganan  
 Jumlah kos langganan = 2 langganan x RM 1,045.00 = RM2,090.00

Contoh ii  
 Jumlah langganan = 6 langganan  
 Jumlah kos langganan = 6 langganan x RM931.00 = RM5,586.00

Contoh iii  
 Jumlah langganan = 30 langganan  
 Jumlah kos langganan = 30 langganan x RM817.00 = RM24,510.00

3.3 Adalah diingatkan bahawa, jumlah langganan akan menentukan jumlah kos yang terlibat. Oleh itu majikan perlu membuat langganan yang difikirkan sesuai dengan keperluan latihan syarikat.

3.4 Majikan boleh menghubungi penyedia latihan yang menawarkan program E-Latihan Skylearner seperti berikut:-

SQ 23-3, Dataran 47301	Communications Block D2, Petaling	Sdn Jalan PJU	Bhd 1/39 Prima Jaya
Tel	:	03-7880	1719
Faksimili	:	03-7880	1729

Halaman web : [www.skylearner.com](http://www.skylearner.com)

#### 4. TUNTUTAN

4.1 Majikan boleh mengemukakan tuntutan ke atas jumlah kos langganan setahun kepada urusetia PSMB dengan menggunakan borang [PSMB/PRO/ET/T2/01](#) seperti di LAMPIRAN 1.

4.2 Adalah dimaklumkan bahawa majikan hanya boleh membuat tuntutan ke atas jumlah kos langganan setahun sekali sahaja.

4.3 Kadar bantuan kewangan yang ditetapkan adalah sebanyak 100 peratus.

4.4 Tuntutan hendaklah disokong dengan resit dan inouis samada yang asal atau salinan yang disahkan benar.

#### 5. PENUTUP

5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada **16 Oktober 2001**.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "**  
**"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"**

Yang ikhlas,

**(SHHRIL BIN HASSAN)**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Sumber Latihan

b.p Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

s.k Pengarah Bahagian Geran Latihan  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Pengarah Bahagian Kewangan  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

PSMB/PRO/ET/T2/01  
Untuk dikemukakan dalam  
satu salinan sahaja

**TUNTUTAN GERAN LATIHAN  
BAGI PROGRAM E-LATIHAN  
SKIM PROLUS  
DI BAWAH PEMBANGUNAN SUMBER  
MANUSIA BERHAD, 2001**

NOMBOR KOD MAJIKAN

1. Nama dan Alamat Syarikat yang berdaftar: Pegawai untuk dihubungi : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_
2. Kadar Langganan  
@ RM \_\_\_\_\_ / langganan X Jumlah Langganan \_\_\_\_\_ RM \_\_\_\_\_  
(sila sertakan resit/invois asal atau salinan yang telah disahkan)
- Jumlah kos langganan: RM \_\_\_\_\_**

3. **PENGESAHAN MAJIKAN**

- a) Kami mengisytiharkan bahawa semua perbelanjaan yang dilakukan bagi program ini adalah dibiayai oleh syarikat.
- b) Kami difahamkan bahawa sekiranya kami berjaya diberi geran latihan disebabkan oleh kenyataan palsu atau tidak benar, kami boleh didakwa di bawah **Seksyen 41 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612)** dan di samping itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad boleh, atas budibicaranya, menarik balik geran latihan ini dan dengan serta-merta menuntut semula sebarang amaun yang telah dibayar kepada kami sebelum ini.
- c) Kami mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan berhubung dengan tuntutan ini dan juga maklumat yang disertakan bersama adalah benar dan betul dan segala perbelanjaan yang dituntut telah dibiayai oleh kami dalam melaksanakan program/kursus yang diluluskan di bawah dan selain daripada tuntutan ini, tidak ada apa-apa tuntutan lain dibuat mengenai perbelanjaan tersebut. Semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan ini adalah disimpan oleh kami dan boleh diperiksa oleh Urusetia Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Kami mengisytiharkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat untuk bantuan yang diberikan telah dipatuhi.

COP SYARIKAT

TANDATANGAN : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

JAWATAN : \_\_\_\_\_

(Pengerusi/Pengarah Urusan/Pemilik Tunggal/Rakan  
Kongsi/Akauntan/Pegawai yang bertanggungjawab -  
**nyatakan taraf jawatan** )+

TARIKH : \_\_\_\_\_